

# Tampung 3,000 jemaah

■ Sultan Johor rasmi masjid berharga RM33 juta di UTHM

Oleh Mohd Hanafis Abdul Haris  
am@hmetro.com.my

Batu Pahat

Sultan Johor Sultan Ibrahim Iskandar men-cemari merasmikan Masjid Sultan Ibrahim di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, semalam.

Masjid seluas 2.4 hektar yang dibina dengan kos hampir RM33 juta itu mampu memuatkan 3,000 jemaah dalam satu-satu masa.

Sultan Ibrahim yang tiba di pekarangan masjid pada jam 12.45 tengah hari disambut lebih 3,000 jemaah sebelum merasmikan masjid berkenaan dan bersolat Jumaat bersama-sama rakyat jelata.

Sebaik selamat menunaikan solat, baginda meluangkan masa bersalaman dengan jemaah yang hadir.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Agama Abd Mu-

talip Abd Rahim, Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor Datuk Noh Gadut dan Naib Canselor UTHM Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.

Mula dibuka kepada orang ramai sejak 2011 selepas mendapat kebenaran daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor, masjid berkenaan turut dilengkapi kemudahan lain seperti pusat sumber, bilik komputer, pejabat pentadbiran dan penempatan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Malah, masjid yang berperanan sebagai Kompleks Pusat Islam itu dijangka menjadi tumpuan masyarakat setempat termasuk pelajar di sekitar Taman Universiti, di sini, untuk menunaikan solat.



MASJID Sultan Ibrahim.

**FAKTA**  
Masjid Sultan Ibrahim berperanan sebagai Kompleks Pusat Islam

SULTAN Ibrahim menandatangani plak perasmian masjid.